

# Ireka Corp peroleh kontrak reka bentuk bina bernilai RM60.796j

**KUALA LUMPUR:** Ireka Corporation Bhd (ICB) menerusi anak syarikat milik sepenuhnya, Ireka Engineering & Construction Sdn Bhd, memperoleh kontrak reka bentuk bina harga tetap RM60.796 juta sekali gus daripada Malaysia Packaging Industry Bhd.

Kontrak itu adalah bagi kemudahan perindustrian - pengeluaran, rumah gudang dan simpanan barangan dengan kemudahan pejabat komersial dan ruang parkir di kilang perindustrian di Kajang, Selangor.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, syarikat itu berkata kontrak 11 bulan itu yang bermula pada 24 Feb dan dijangka selesai pada 15 Jan, 2018.

“Kontrak tersebut dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac, 2018,” kata syarikat itu.

— Bernama